



(5 April 2020) Sinar, P. 4

Lanjut PKP ditentukan 10 April

KKM guna data kes yang direkodkan dalam tempoh itu sebagai garis panduan

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membuat keputusan sama ada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan atau sebaliknya pada 10 April ini.



DR NOOR HISHAM

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya akan menggunakan data kes yang direkodkan dalam tempoh itu sebagai garis panduan untuk tindakan selanjutnya.

"Kita harap menjelang 10 April, data (kes) sudah ada untuk kita buat keputusan sama ada melanjutkan PKP atau sebaliknya.

"Kita memerlukan data untuk membuat keputusan. Saya

boleh membuat jangkaan tetapi realitinya kita perlu melihat kepada fakta dan sains," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, kebimbangan ketika ini adalah melibatkan kes import berikutan kepulangan pelajar dan rakyat Malaysia yang melancong di luar negara.

"Ini merupakan cabaran kepada kita (KKM) jika berlaku gelombang kes import kerana mereka yang pulang ke negara kemungkinan membawa wabak itu," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, empat lagi kematian direkodkan

menjadikan keseluruhan kematian akibat Covid-19 meningkat kepada 57 kes setakat jam 12 tengah hari semalam.

Menurutnya, kesemua kematian terbaru itu melibatkan pesakit warganegara Malaysia yang berusia 50 tahun ke atas serta mempunyai latar belakang penyakit kronik.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes positif yang dicatatkan semalam ialah 150 kes menjadikan kumulatif kes positif adalah sebanyak 3,483 kes.

KES KEMATIAN BAHARU COVID-19 DI MALAYSIA

Kes ke	Kematian ke	Jantina	Umr (tahun)	Hospital	Latar belakang
2149	54	Perempuan	85	Institut Jantung Negara	Mempunyai penyakit jantung.
860	55	Perempuan	66	Hospital Sultan Ismail Petra, Kelantan	Mempunyai penyakit darah tinggi.
2850	56	Lelaki	56	Hospital Umum Sarawak	Mempunyai penyakit jantung, kontak rapat dengan kes ke-1031.
1575	57	Lelaki	61	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang	Mempunyai penyakit kencing manis.

57 Kematian

Setakat 04 April 2020

Sumber: CPREC, Kesbarisains, kkm, UKR, MOH

Empat lagi kematian akibat Covid-19 dicatatkan di Malaysia setakat semalam.

lam ialah 150 kes menjadikan kumulatif kes positif adalah sebanyak 3,483 kes.

Katanya, sebanyak 1,545 kes daripada 3,483 kes positif itu terdiri daripada kluster tabligh yang menyertai perhimpunan di Sri Petaling baru-baru ini.

Beliau berkata, jumlah itu menjadikan 44.36 peratus kes positif pandemik itu berkaitan

dengan mereka yang menghadiri perhimpunan tersebut.

"Ketika ini terdapat kira-kira 3,000 peserta daripada perhimpunan itu yang masih belum membuat saringan.

"KKM akan terus bekerjasama dengan pelbagai agensi bagi mengenal pasti dan menguji semua kontak rapat dalam kalangan kumpulan yang berisiko tinggi ini," katanya.

Vaksin Covid-19 dijangka berada di pasaran setahun lagi

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangkakan vaksin untuk merawat pesakit koronavirus (Covid-19) dijangka berada di pasaran setahun lagi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ketika ini penyelidikan bagi vaksin itu masih lagi dijalankan.

Katanya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ketika ini juga sedang menilai kandungan vaksin tersebut dan perkara itu melibatkan kajian terperinci masih pada peringkat awal.

"Oleh itu, ia mungkin mengambil masa kira-kira setahun atau setahun setengah sebelum kita boleh dapatkan vaksin ini di pasaran," katanya di sini semalam.

Dr Noor Hisham turut mengesahkan terdapat beberapa pesakit yang telah sembuh menyumbangkan plasma darah mereka kepada KKM bagi tujuan penyelidikan dan sains.

Beliau berkata, individu yang telah disahkan sembuh itu juga perlu menjalani ujian semula.

"Kita berterima kasih kepada mereka yang rela membantu kita (KKM) untuk melakukan penyelidikan ini," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

